




FORUM KURATOR

**TEMBIKAR
PRASEJARAH
DI PERAK**



Oleh : **A syaari Muhammad
Pensyarah,**

**Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
Universiti Kebangsaan Malaysia**

Tarikh : 30 Januari 2004 (Jumaat)

Masa : 9.00 pagi

**Tempat : Auditorium,
Jabatan Muzium dan Antikuiti**

KANDUNGAN

- PENGENALAN
- TAPAK-TAPAK KAJIAN
- KAJIAN LEPAS
- MATLAMAT KAJIAN
- METODOLOGI PENYELIDIKAN
 - Pengumpulan Data
 - i) Sumber Awalan
 - ii) Sumber Pedua
 - Analisis Data
 - Penafsiran Data
- PEMASALAHAN KAJIAN
- KUTIPAN DATA
- HASIL KAJIAN
- KESIMPULAN

1

PENGENALAN

Difinisi Kebudayaan (Konteks Umum)

Satu pola keseluruhan cara hidup sesebuah masyarakat yang termasuk di dalamnya ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, undang-undang, moral, adat istiadat, serta pelbagai aktiviti sosial.

Difinisi Kebudayaan (Konteks Arkeologi)

Bidang arkeologi kita tidak mengkaji pola-pola tingkah laku seperti adat resam, bahasa dan pemikiran spekulatif tetapi mengkaji artifak iaitu peninggalan kebendaan sesebuah masyarakat. Artifak adalah sebahagian daripada kebudayaan material manusia, tetapi bukanlah kebudayaan, begitu juga suatu tempat pengebumian atau sebuah rumah. Ia dikatakan kebudayaan arkeologi apabila jenis-jenis tembikar tanah, tempat pengebumian dan rumah-rumah tertentu dijumpai bersama-sama di beberapa tapak penemuan, barulah ahli-ahli arkeologi merujuk kepada perhubungan yang berulang di antara artifak-artifak itu sebagai bukti wujud kebudayaan (Arkeologikal konteks).

2

Terminologi Tembikar (Seramik)

Tembikar Tanah 300 °C – 1000 °C

Tembikar Batu (Stoneware) 1150 °C -1300 °C

Celedon (Kehijauan) 1150 °C – 1300 °C

Porselin 1350 °C <

Kesukaran Penelitian - Tembikar Tanah

3

TAPAK-TAPAK KAJIAN

- **Perak**
- **Gua-gua sekitar daerah Lenggong (Gua Kelawar, Gua Harimau, Gua Kajang, Gua Tukang)**
- **Gol Bait, Sg. Siput.**
- **Sungkai, Changkat Menteri**

4

- Kedah
- Gua di Kodiang, Kedah

- Kelantan
- Gua Cha, Ulu Kelantan

- Selangor
- Jenderam Hilir

5

KAJIAN LEPAS (Tembikar Prasejarah) PENGKAJI BARAT

L.Wray - 1880 & 1891 (Gua Batu Kapur di Gunung Cheroh, Ipoh)

- Tembikar tanah yang ditemui pada permukaan (kedalaman cetek) kasar pembuatannya
- Ahli arkeologi belum ada kesedaran tentang kajian terhadap tembikar tanah yang dianggap penting

6

I.H.N.Evans - 1917 (galicari dalam gua dan di bawah lindungan batu di Lenggong dan Batu Kurau, Perak, Gunung Senyum dan Kota Tongkat di Pahang)

- Tembikar bercorak cap tali ditemui di Gua Kajang pada lapisan pertama stratigrafi.
- Menyimpulkan bahawa jumpaan serpihan tembikar tanah dan kapak batu yang digilap yang terdapat di sekitar daerah Lenggong, Perak dengan Pahang mempunyai hubungan serta perkaitannya dengan Indo China dan juga Indonesia

7

I.H.N.Evans & P.V.Van Stein Callenfels - 1926 – 1927 (Gua Kerbau sebuah gua batu lindungan di Gunung Pondok)

- Wujud persamaan budaya di rantau Asia Tenggara ini dengan menggunakan data-data galicari akeologi serta jumpaan-jumpaan artifak seperti tembikar tanah, kapak batu, kajian geologi dan lukisan-lukisan di gua-gua sekitar rantau Asia Tenggara
- Berdasarkan penemuan artifak mereka merumuskan kawasan ini adalah petempatan manusia sejak zaman awal neolitik di Malaysia
- Tembikar tanah yang ditemui ada persamaan dengan tembikar tanah di IndoChina iaitu di Bau Tro dan Lang Trang di Vietnam dengan menggunakan tembikar tanah bercap tali sebagai hujah mereka.

8

H.D.Noone & - P.V.Van Stein Callenfels - 1933

(Gol Bait, Sg. Siput, Perak)

- Merupakan sebuah tapak gua batu lindungan (rock shelter)
- Mereka mendapati serpihan tembikar terdapat di lapisan atas (0 – 40 cm) yang terdiri daripada serpihan bahagian bibir dan dasar.
- Kebanyakan serpihan tersebut berwarna hitam pada permukaan luar dan dalam serta ada kaitan dengan tembikar tanah yang dijumpai oleh Evans di Sungkai dan Gua Chintamani di Pahang

9

H.Gordon Graham - 1927 (Kubur Batu Kepingan di Sungkai, Perak)

- Melaporkan jumpaan tersebut kepada Evans & Callenfels dan mendapati tiada rangka manusia tetapi hanya serpihan tembikar tanah dan tulang mawas.
- Kualiti tembikar tanah yang ditemui amat rendah mutunya dan rapuh serta kemungkinan dihasilkan dengan tidak menggunakan meja pusing. Terdapat kesan salutan damar di bahagian dasar tembikar.

10

P.D.R William Hunt – 1952
(Gua Harimau, Lenggong)

- Menemui serpihan tembikar tanah di pintu masuk utama gua ini dan beranggapan ianya dari zaman Neolitik .

11

B.A.V. Peacock - 1959
(Kebanyakan di Perak)

- Cuba menekankan penelitian tembikar prasejarah di Perak lebih bersistematik dan saintifik.
- Menyelamatkan data-data tembikar tanah prasejarah supaya dapat dibuat kajian lanjut oleh pengkaji akan datang.
- Kaedah yang diperkenalkan ialah merekonstruksi semula pecahan tembikar agar menjadi selengkap yang mungkin dan melukis kembali dengan jelas bentuk serta motif hiasan pada tembikar.

12

F.L Dunn - 1966

(Gua Harimau dan sekitar Perak)

- Melihat usia tapak dengan analisis pentarikhkan Karbon C 14 menggunakan sampel cengkerang dan arang merumuskan tarikh tapak antara 3450 +/- 150 B.P.

13

PENGKAJI TEMPATAN

- Dr. Adi Hj. Taha & Zulkifli Jaafar (JMA) – 1986 (Gua Kelawar, Sg. Siput).
- Ditemui sebanyak 265 serpihan tembikar tanah atau 47 % daripada keseluruhan jumpaan.
- Saiz tembikar tidak lebih daripada 8 cm dengan purata ketebalan antara 4 – 8 milimeter.
- Serpihan yang ditemui ialah bercaptali dan dihiasi dengan menggunakan teknik tekan yang berwarna merah kekuningan dan coklat kehitaman.
- Tembikar tanah dibakar menggunakan campuran pasir halus.

14

**Prof. Dr. Zuraina Majid & Zolkurnain Hassan (USM) -
1980an (Gua Tukang, Gua Kerbau, Gua Pondok, Gua
Harimau, Gua Kelawar, Gua Badak, Gua Kajang dan lain-
lain lagi)**

- Kebanyakan tembikar tanah yang ditemui berhampiran dengan rangka manusia membuktikan bahawa masyarakat prasejarah menjadikan tembikar tanah sebagai alat kiriman dengan si mati.
- Penentuan jenis dan bentuk tembikar tanah di sini sedang dianalisa dan tiada sebarang maklumat berhubung dengan bentuk, jenis, corak hiasan dan asal-usul tembikar tanah di kawasan ini ketika itu. Namun demikian hanya terdapat sedikit sahaja serpihan tembikar tanah yang berjaya dicantumkan dan dikenalpasti bentuk dan ragam hiasnya. Tembikar tanah tersebut adalah terdiri daripada tiga mangkok atau piring beragamhias tanda tali, satu belanga yang beragamhias tanda tali, enam tembikar kaki tanpa ragam hias dan satu pinggan berkaki tanpa ragam hias.
- Pentarikhkan di Gua Harimau mendapati usianya antara 4920 +/- 270 B.P

15

**Dr. Stephen Chia Ming Soon (USM: M.A Tesis) - 1995 (Gua
Badak, Gua Dayak, Gua Batu Tukang, Gua Kajang, Gua
Teluk Kelawar, Gua Mesin dan Gua Gong Badak di
Lenggong)**

- Menggunakan pendekatan saintifik (Analisis Saintifik) iaitu menguji komposisi mineral tembikar tanah secara *X-ray Flourescence, X-ray Diffraction, Minerologi* dan *Thin section* serta bentuk-bentuk tembikar tanah prasejarah
- Membuat kajian perbandingan antara tapak di Lenggong dengan Bukit Tengku Lembu di Perlis, Kodiang di Kedah, Gua Cha di Kelantan , Gua Kecil di Pahang dan Jenderam Hilir di Selangor
- Kesimpulan tembikar hitam yang ditemui di Bukit Tengku Lembu, Perlis yang sebelum ini dikatakan berasal dari Attic Greek oleh William Hunt, Lung Shan oleh Peacock dan India Utara oleh Sieveking adalah tidak benar. Sebaliknya kajian beliau telah dapat menyungkil tradisi tembikar hitam dari Bukit Tengku Lembu ini adalah berasal dari tempatan. Begitu juga halnya dengan serpihan-serpihan tembikar tanah yang ditemui di sekitar daerah Lenggong juga berasal dari tempatan iaitu tempat di mana ia ditemui.

16

Asyari Muhamad (UKM: M.A Tesis) - 1996
(Gua Kajang, Gua Kelilawar, Gua Harimau, Gol Bait, Sg. Siput, Pulau Kalumpang, Gua-gua di Kodiang, Gua Cha, Bukit Menteri)

- Menggunakan pendekatan analisis perbandingan antara tapak-tapak penghasilan tembikar tanah di Perak dan luar Perak
- Menggunakan pendekatan penelitian fizikal analisis dan saintifik analisis seperti pentarikan *Termoluminesen (TL)* dan *X-ray Florousence (XRF)*
- Wujud perbezaan tarikh yang ketara antara Kaedah Karbon C14 dengan TL
- Tembikar prasejarah yang ditemui di Perak dihasilkan berasal dari tempatan

17

Prof. Dr. Nik Hassan Shuhaimi (UKM)
1989 – 1993
(Pulau Kalumpang, Perak: Protosejarah)

- 4 bentuk tembikar yang lengkap keadaannya dan 3 daripadanya ditemui bersama-sama dengan rangka manusia
- Terdapat hampir seratus jenis corak tembikar di sini dan yang banyak ialah captali, cap bakul, cap jala, geometri dan kesan picit pada leher dan bibir tembikar
- Kepercayaan awal masyarakat di sini masih mengamalkan animisma dan bukan menerima pengaruh Hindu.
- Terdapat bukti penanaman mayat bersama tembikar dan dalam perahu.

18

**Prof. Dr. Siti Zainon Ismail (UKM: Tesis M.A) –
1979
(Daerah Sayong, Kuala Kangsar)**

- Tumpuan kajian terhadap tradisi perusahaan pembuatan tembikar Labu Sayong dari aspek nilai estetika seni seperti motif hiasan, warna, ukiran dan bentuk-bentuk tembikar. Kajian seni tekstil dan anyaman juga dilakukan ketika itu.
- Menyimpulkan tradisi pembuatan tembikar oleh orang Melayu wujud sejak zaman Prasejarah lagi.

19

MATLAMAT KAJIAN

- Melihat evolusi perkembangan seni pembuatan tembikar tanah di Perak sama ada berevolusi dari zaman Prasejarah lagi hingga ke hari ini kerana masih terdapat perusahaan yang dijalankan secara aktif hingga ke hari ini.
- Semasa zaman British, belum terdapat kajian yang menyeluruh, lengkap, sistematis dan saintifik ketika itu walaupun antara artifak yang paling banyak dijumpai di tapak-tapak arkeologi semua zaman ialah tembikar tanah.
- Awal abad yang ke-20, kajian terhadap seramik biasanya untuk menilai taraf seni dan estetika dan tidak dianggap sebagai data arkeologi yang utama bagi mengungkap sejarah kehidupan manusia di masa lampau. Sedangkan, kajian seramik, dapat memberi maklumat penting tentang tamadun manusia kerana perkaitan antara manusia dengan seramik amat rapat sekali.

20

- Ingin melihat sejauhmana kemampuan menentukan tingkat-tingkat kemajuan masyarakat pada zaman prasejarah, protosejarah dan sejarah serta corak kehidupan mereka dan sistem kepercayaan yang wujud pada masa itu.
- Melihat perkembangan tinggalan tembikar tanah untuk dijadikan bukti tentang sejauhmanakah penyebaran dan juga besarnya jumlah (volume) bahan-bahan tersebut.

21

METODOLOGI PENYELIDIKAN

■ Pengumpulan Data

- Sumber Awalan

Kajian di perpustakaan , mendapatkan bahan-bahan artifak dari koleksi muzium-muzium (Muzium Negara, Muzium Taiping dan Matang)

Kajian lisan dengan menemubual pengusaha-pengusaha tembikar di Perak

22

Sumber Pendua

- Mengumpul data-data artifak dengan mengambil contoh sampel tembikar disetiap tapak kajian untuk dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif

- Pra- Analisis
 - Membuat kerja-kerja pembersihan, melebel semula, pengasingan bahagian-bahagian tertentu

23

Analisis (Kualitatif)

- Analisis yang dilakukan secara ini mementingkan pengidentifikasi terhadap tiga perkara iaitu pertama pengidentifikasi secara bentuk yang meliputi ukuran seperti panjang, lebar, tinggi, garis pusat, bentuk dan sebagainya. Kedua, pengidentifikasi teknologi yang memerihalkan teknologi pembuatan yang bermula dari pengolahan bahan sehingga kepada tahap pembakaran dan yang ketiganya ialah pengidentifikasi gaya iaitu meliputi ciri-ciri yang antara lainnya berkaitan dengan warna dan hiasan iaitu motif, pola dan sebagainya.

24

Analisis (Kuantitatif)

- Analisis yang mementingkan pengiraan-pengiraan seperti yang melibatkan penggunaan matematik dan statistik ke atas sampel. Penganalisaan yang sedemikian dilakukan bukanlah pada tingkat deskripsi sahaja tetapi tingkat integrasi atau interpretasi untuk mengetahui pola penyebaran tembikar.

25

Analisis (Kontekstual)

- Analisis kontekstual ialah pengamatan data arkeologi berdasarkan konteks ruang tertentu, misalnya kedalaman petak galian (spit), lapisan tanah, petak galian dan sebagainya. Penganalisisan berhubungkait antara variasi-variasi tersebut. Oleh yang demikian, konsep yang perlu difahami ialah hubungan antara artifak dengan artifak yang lain, sebaran artifak dalam ruangan yang horizontal dan vertical.

26

Analisis (Fizikal)

- Secara umumnya penganalisan secara fizikal ini akan ditumpukan perhatian terhadap empat perkara iaitu ciri fizikalnya, komposisinya, teknologi dan gaya pembuatan. Dalam hal ini perkara-perkara yang perlu diperhatikan ialah warnanya, kekerasannya, teknologinya, teksturnya dan sebagainya lagi. Ciri warna amat penting kerana boleh digunakan untuk mengetahui teknik pembakaran dan bahan dan juga mendalami jenis atau kandungan tanah liat yang digunakan sebagai bahan utama. Warna tanah liat amat bergantung kepada bahan yang terkandung didalamnya, iaitu unsur besi dan karbon. Jumlah sebaran besi oksida yang bercampur dengan kandungan tanah liat yang lain sangat mempengaruhi warna tembikar setelah dibakar dengan sempurna, iaitu apakah warnanya akan menjadi merah, putih atau pucat? Selain dari itu, faktor selama mana tembikar-tembikar dibakar, udara di sekitar dan suhu yang tinggi semasa dibakar juga mempengaruhi unsur-unsur karbon yang terdapat di dalam tanah liat.

27

Untuk mengidentifikasi warna tembikar misalnya, teknik yang digunakan ialah membandingkan contoh warna tembikar dengan warna *Munsell Standard Soil Colour Chart*. Bagi mengetahui kadar kekuatan sesuatu tembikar itu, *Skala Moh* digunakan. Sebagai mineral penguji, skala Moh menggunakan 10 jenis mineral yang mempunyai nilai kekerasan yang berbeza sebagaimana yang akan dipaparkan dalam rajah berikut:-

28

JADUAL 1.1 : SKALA MOH

| MINERAL | KEKERASAN | PENGUJIAN |
|------------|-----------|-------------------------|
| Tale | 1 | Terkelupas oleh kuku |
| Gypsum | 2 | Terguris oleh kuku |
| Calcite | 3 | Terguris oleh paku besi |
| Flourite | 4 | Terguris oleh kaca |
| Apatite | 5 | Terguris oleh pisau |
| Orthoclase | 6 | Terguris oleh kuarza |
| Quartz | 7 | Terguris oleh paku |
| Topaz | 8 | Terguris oleh zamrud |
| Corundum | 9 | Terguris oleh berlian |
| Diamond | 10 | Tidak Terguris |

29

Penganalisisan boleh dilakukan melalui pengamatan langsung dan juga menggunakan alat bantu mikroskop. Pada kebiasaannya, pengamatan secara langsung akan diaplikasikan pada tembikar kerana umumnya, ciri fizikal tanah liat masih dapat diamati oleh mata kasar atau dengan bantuan kanta pembesar. Untuk mengukur diameter (garis pusat) sesuatu tembikar itu, kadangkala digunakan skala *Wentworth* seperti di bawah ini.

30

**JADUAL 1.2 : ISTILAH DAN KISARAN SKALA
WENTWORTH**

| DIAMETER (MM) | TEKSTUR |
|-----------------|-------------|
| > 64 | Boulder |
| 64 - 4 | Pebble |
| 4-2 | Granule |
| 2-1 | Very Coarse |
| 1 - 1/2 | Coarse |
| 1/2 - 1/4 | Medium |
| 1/4 - 1/8 | Fine |
| 1/8 - 1/16 | Very Fine |
| 1/16 - 1/256 | Ailt |

31

Penafsiran Data

- Data yang telah dianalisis akan dibuat penafsiran. Penafsiran akan memberikan penjelasan tentang identifikasi pentarikhan, fungsi, hubungkait asal-usul dan perkembangan serta perubahan.

32

PEMASALAHAN KAJIAN

- Sumber kajian terhad dan maklumat yang terbatas.
- Data kajian seperti tembikar tanah kebanyakannya pecah dan sukar dicantumkan semula bagi melihat bentuk dan pelbagai variasinya.
- Unsur bias dalam penafsiran berhubung satu-satu isu penemuan itu dan pendapat dari barat.
- Kos perbelanjaan yang tinggi namun demikian mendapat bantuan dari JMA dan badan-badan lain.
- Menghadapi gangguan semasa analisis data terutamanya data ujian saintifik TL di tapak-tapak tertentu.
- Sampel-sampel tembikar tanah yang diperolehi untuk kajian dilakukan amat terhad dan berada di merata-rata tempat. Ini menyukarkan dari aspek pengumpulan bahan.

33

KUTIPAN DATA

- Sampel-sampel dari Gol Bait (iaitu sebanyak 44 keping atau 99% daripada keseluruhan sampel yang terdapat di Muzium Negara).
- Sampel-sampel dari Gua Tukang (iaitu sebanyak 65 keping atau 48% daripada keseluruhan sampel).
- Sampel-sampel dari Gua Gelok (iaitu sebanyak 74 keping atau 50% daripada keseluruhan sampel).
- Sampel-sampel dari Gua Harimau [88E & 88Ei] (iaitu sebanyak 173 keping atau 90% daripada keseluruhan sampel).

34

- Sampel-sampel dari Gua Harimau [Burial 2 & 3] (iaitu sebanyak 15 keping atau 50% daripada keseluruhan sampel yang ada).
- Sampel-sampel dari Bukit Menteri (iaitu sebanyak 48 keping atau 51.6% daripada keseluruhan sampel).
- Sampel-sampel dari Gua Cha (iaitu sebanyak 64 keping atau 40% daripada keseluruhan sampel).
- Sampel-sampel dari Kodiang (iaitu sebanyak 368 keping atau 51.6% daripada keseluruhan sampel).

Kesemua sampel-sampel ini diperolehi dari Muzium Negara yang pada ketika itu di bawah penyelenggaraan Encik Zulkifli Jaafar dan Encik Mahfuz Nordin.

35

HASIL KAJIAN

- Perbincangan mengenai hasil kajian boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat dan kategori misalnya dari aspek:-
 - Kedudukan tembikar tanah di lapisan tanah
 - Bentuk-bentuk tembikar tanah yang ditemui
 - Cara Pembuatan
 - Corak hiasan dan motifnya
 - Warnanya
 - Fungsi kegunaan
 - Pola penyebaran atau perkaitan antara satu tapak dengan tapak lain

36

Kedudukan tembikar tanah di lapisan tanah

- Kebanyakan tapak arkeologi prasejarah baik di kawasan terbuka atau terlindung kebanyakannya mengalami proses gangguan yang diakibatkan oleh tindakan alam semulajadi, oleh manusia dan haiwan. Apabila hal ini berlaku amat sukar untuk kita membuat tafsiran berhubung dengan sesuatu isu artifak yang dibincangkan lebih-lebih lagi pada zaman prasejarah. Justeru itu, pengamatan dari aspek kedudukan artifak dengan keadaan stratigrafi tanah sedikit sebanyak akan mengelirukan kerana kita akan mengandaikan bahawa kedudukan artifak yang terletak di bahagian bawah biasanya lebih awal, konservatif berbanding kedudukan artifak yang berada di bahagian lapisan atas. Contoh tapak kajian ialah di Gua kelawar, Sg. Siput dan beberapa buah tapak arkeologi yang lain.

37

- Tembikar tanah yang terawal ditemui di Perak bermula sejak zaman Neolitik dan bukannya zaman Mesolitik / Hoabinh seperti mana yang dinyatakan oleh beberapa pengkaji lepas. Buktinya kebanyakan serpihan tembikar tanah yang ditemui berada pada lapisan atas (0 – 40 cm) di kebanyakan tapak prasejarah.

38

Bentuk-bentuk tembikar yang ditemui

- Pada zaman Prasejarah, bentuk-bentuk tembikar yang dapat dikesan melalui analisis ialah seperti mangkuk tanpa berkaki dan periuk separuh bulat. Bersesuaian dengan tahap pemikiran dan teknologi yang ada pada masyarakat prasejarah ketika itu, bentuk tembikar tanah yang dihasilkan amat mudah dan simpel bersesuaian dengan cara membuatnya.
- Terdapat beberapa bentuk yang lebih canggih ditemui di beberapa tapak prasejarah di Malaysia seperti mangkuk berkaki yang dikatakan berasal dari selatan Thailand dan IndoChina.

39

Cara pembuatan

- Penghasilan dilakukan secara primitive, kasar pembuatannya, mudah pecah. Pada tahap awalannya, mereka menggunakan bahan-bahan yang terdapat di sekeliling mereka seperti batu, kulit kayu, daun-daun dan sebagainya. Periuk belanga yang dibentuk dari tanah akan dibakar dengan mengikatkan permukaan luarnya dengan tali ataupun anyaman rotan. Beberapa teknik yang dapat dikesan ialah proses melicinkan permukaan bentuk dengan menggunakan bahan tekstur seperti kulit kayu, kulit siput, atau beberapa jenis batu yang kesat, terdapat hiasan tembikar .
- Dari aspek pembakaran pula hanya menggunakan teknik pembakaran secara terbuka dan langsung iaitu dengan menjemur kepada pancaran sinaran matahari yang menyebabkan mutu tembikar tersebut amat rendah.

40

Corak hiasan dan motifnya

- Beberapa bentuk motif yang dapat kita namakan pada penemuan hiasan tembikar Neolitik ialah seperti belah ketupat, teknik kelar atau lekuk jari, corak geometrik asli, pucuk rebung dan corak serong. Ia mengambil ciri-ciri yang terdapat pada alam persekitarannya.
- Corak hiasan captali merupakan corak hiasan tembikar prasejarah yang dominan. Namun demikian, terdapat perbezaan antara setiap tapak yang dikaji. Captali kasar banyak terdapat di Gua Kelawar berbanding dengan cap tali di Gua Harimau.

41

Warnanya

- Terdapat beberapa jenis warna tembikar tanah yang dikesan. Antaranya ialah merah kekuningan, coklat kehitaman, kelabu kehitaman, hitam dan beberapa warna yang lain. Ini bergantung kepada kadar suhu dan mutu pembakaran. Kadang-kadang terdapat ketidakseragaman warna pada sesuatu jenis tembikar yang ditemui yang menunjukkan pembakaran yang tidak menyeluruh serta campuran bahan membuat tembikar yang pelbagai.

42

Fungsi kegunaan

- Terdapat 3 fungsi utama kegunaan tembikar tanah zaman ini. Antaranya sebagai alat perkakas kegunaan harian, seperti bekas menyimpan air dan lain-lain makanan.
- Sebagai alat spiritual seperti mana yang di temui di beberapa buah kubur di Malaysia. Ditemui beberapa jenis mangkuk tembikar yang ditanam bersama-sama dengan mayat di Gua Harimau, Gua Cha dan Pulau Kalumpang.
- Sebagai alat perubatan (dalam konteks zaman sejarah).

43

Pola penyebaran atau perkaitan antara satu tapak dengan tapak lain

- Isu ini dikaitkan dengan keadaan geografikal seluruh Alam Melayu ketika itu. Petempatan awal manusia di rantau ini boleh dibahagikan kepada 2 kategori iaitu di pedalaman (Gua batu kapur atau gua lindungan batu) dan kawasan perairan (Tasik-tasik, tepi sungai atau berhampiran dengan pantai).

44

Bagi masyarakat yang menetap di kawasan pedalaman, mereka sering berpindah randah (Masyarakat memburu, mengumpul dan berpindah randah mengikut musim-musim tertentu dan keadaan tertentu). Justeru itu kebanyakannya tembikar tanah yang mereka gunakan itu saling bertukar tangan atau pun bergerak dari satu tempat ke satu tempat mengikut keadaan tertentu. Kebanyakannya masyarakat tersebut kurang kreatif dan berinovasi. Sehubungan dengan itu jika dilihat taburan tembikar prasejarah di Alam Melayu ketika itu kadang-kadang mempunyai bentuk, corak hiasan dan warna yang sama di beberapa buah tapak prasejarah Malaysia.

45

Bagi masyarakat yang menetap di kawasan perairan pula (Masyarakat yang sudah mula pandai mengadakan hubungan luar dan menerima pengaruh luar) mereka sering bergerak berulang alik dari satu tempat ke satu tempat yang lain dan berkomunikasi dengan masyarakat di luar kelompok mereka. Dalam hal ini teknologi pembuatan tembikar tanah yang ada pada mereka diandaikan lebih maju dan kreatif berbanding dengan masyarakat pedalaman. Masyarakat prasejarah seperti inilah yang lebih mampu menghasilkan tembikar tanah dengan sendiri berbanding dengan masyarakat di pedalaman. Justeru itu, misalnya di Jenderam Hilir sudah terdapat teknologi pembuatan tembikar tanah dengan menggunakan meja pusing (potter wheel) dan mutu pembikinannya juga lebih baik berbanding dengan yang lain.

46

KESIMPULAN

- Tembikar Prasejarah di Perak muncul pada zaman Neolitik.
- Tradisi pembuatan tembikar tanah di Perak berevolusi dari prinsip konservatif ke inovatif (kreatif).
- Bukti-bukti analisis fizikal dan saintifik menunjukkan kemungkinan besar tembikar prasejarah di Perak dihasilkan oleh masyarakat setempat dan bukannya masyarakat dari luar.
- Fungsi tembikar prasejarah di Perak berubah daripada sebuah perkakas untuk kegunaan harian, upacara spiritual (kiriman bekas pengebumian), kepada perkakas yang digunakan oleh masyarakat kini sebagai alat perhiasan, perubatan tradisional dan komersial.

47

SEKIAN!

TERIMA KASIH!!!

48